

→ MUKA DUA

# Kerajaan sasar bina 200,000 unit PPA1M

→ Bukti komited tingkat kesejahteraan hidup rakyat

**Oleh Rohaniza Idris, Arfa Yunus, Mahanum Abdul Aziz, Alzahrin Alias, Veena Babulal dan Mohd Iskandar Ibrahim**

cnews@nstp.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**erajaan menasar membina 200,000 unit PPA1M dalam tempoh beberapa tahun akan datang kata, Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, setakat ini sebanyak 35,753 unit PPA1M sudah siap dan sedang dibina dengan 106,000 unit lagi dalam perancangan untuk dibina.

"Sebagai kerajaan prihatin, kami sentiasa mengambil berat dalam usaha untuk mempertingkatkan kebahagiaan dan kesejahteraan rakyat."

"Sebab itu kerajaan memperkenankan pelbagai program seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia, Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Projek Rumah Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan PPA1M," katanya.

Beliau berkata demikian berucap pada Majlis Penyerahan Kunci Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Metropolitan Ke-

pong di sini, semalam.

Najib berkata, PPA1M bukan sahaja menawarkan unit rumah dengan ruang yang luas serta persekitaran yang menarik dan bersih, malah menyediakan pelbagai kemudahan lain.

"Metropolitan Kepong sebagai contoh terbaik yang berharga daripada RM90,000 hingga RM300,000 seunit dan harga itu jauh lebih rendah berbanding nilai pasaran."

**Dapat banyak manfaat**

"Mereka yang membeli rumah di projek ini dapat banyak manfaat antaranya ialah mendapat rumah idaman, tinggal dalam kawasan yang selesa dan mendapat aset yang akan menambah nilai dari semasa ke semasa" katanya.

PPA1M Metropolitan Kepong dibangunkan oleh JL99 Holdings Sdn Bhd di atas tapak seluas 3.31 hektar bermula 27 Mei 2016 dan siap sepenuhnya pada 1 Mac lalu.

Kediaman berkonsepkan moden itu membabitkan pembinaan sebanyak 1,230 unit dengan harga jualan bermula dari RM90,000 hingga RM300,000 dan keluasan dari 850 hingga 1,500 kaki persegi.

PPA1M Metropolitan Kepong dilengkapi pelbagai kemudahan seperti kedai runcit, kedai dobi, taman permainan, surau, dewan ser-



Najib disambut orang ramai pada Majlis Penyerahan Kunci Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) Metropolitan Kepong, semalam.

baguna, klinik, pusat rekreasi dan gelanggang bola keranjang.

Pada majlis berasingan, Najib berkata Program Bakat Global Malaysia (MGT) yang dilancarkan semalam bertujuan memupuk dan melahirkan 5,500 pemimpin Malaysia bertaraf global menjelang tahun 2022.

Program hasil kerjasama Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) dengan InvestKL, yang disokong Kementerian Pendidikan Tinggi, antara lain sebagai persediaan mengukuhkan tenaga kerja dalam menghadapi cabaran industri untuk mendapatkan tenaga berkemahiran tinggi pada masa depan.

"Fasa pertama MGT menyaksikan kerjasama 12 syarikat multinasional global dengan 10 universiti awam untuk memilih dan membimbing bakat Malaysia yang berpotensi tinggi untuk menjadi pemimpin industri pada masa depan," katanya merasmikan MGT sempena Program Tahunan Peringkat Menteri InvestKL di sini.

Najib berkata, pada masa depan program MGT itu diperluaskan lagi kepada lebih banyak syarikat multinasional antarabangsa dan penyertaan universiti tempatan.

Katanya, MGT secara tidak langsung disasarkan untuk mencipta lebih banyak peluang kepada ge-



Metropolitan Kepong contoh terbaik yang berharga daripada RM90,000 hingga RM300,000 seunit dan jauh lebih rendah berbanding nilai pasaran. Mereka yang membeli rumah di projek ini dapat banyak manfaat antaranya dapat rumah idaman, tinggal dalam kawasan selesa dan dapat aset yang akan menambah nilai"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

nerasi muda Malaysia yang berbakat berhadapan Kemahiran dan Amalan Terbaik Global.

"Ia juga secara tidak langsung memupuk dan memberi inspirasi kepada pemimpin ekonomi baharu yang sedang dibangunkan Malaysia."

**Tumpu tiga kumpulan**

"Ini akan memacu penubuhan pelbagai Pusat Kecemerlangan Bertaraf Dunia, satu usaha yang sangat baik antara industri dan pusat akademik," katanya.

Program MGT akan memberi tumpuan kepada tiga kumpulan bakat iaitu Program Eksekutif Muda; Program Eksekutif Kanan dan Program Perantisan yang dibuka kepada profesional Malaysia.

Selain latihan, MGT turut menyediakan program peminjaman, bimbingan dan sesi perkongsian pengetahuan bersama personaliti kepimpinan kanan syarikat multinasional antarabangsa.

Antara syarikat multinasional antarabangsa yang mengambil bahagian ialah Schlumberger, Linde, Honeybell, IBM dan Cargill.

Universiti tempatan terbaik program MGT ialah Universiti Malaysia (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Heriot-Watt.

**WAKTU SOLAT**

**IBADAT & FADILAT**

Abu Umamah Bahili berkata Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah SWT tidak menerima amalan kecuali amalan yang ikhlas semata-mata kerana-Nya dan dibuat dengan tujuan semata-mata untuk mendapat keridaan-Nya." (HR Nasa'i)

Kawasan	Subuh	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
Kangar	6:02	1:26	4:30	7:30	8:39
Alor Setar	6:02	1:25	4:30	7:29	8:39
P. Pinang	6:02	1:25	4:28	7:29	8:38
Ipoh	6:00	1:23	4:24	7:27	8:36
Kuala Lumpur	5:58	1:21	4:20	7:24	8:33
Shah Alam	5:58	1:21	4:20	7:24	8:33
Johor Bahru	5:50	1:12	4:15	7:15	8:24
Kuantan	5:53	1:15	4:15	7:18	8:27
Seremban	5:57	1:19	4:21	7:22	8:31
Bandar Melaka	5:56	1:18	4:20	7:21	8:30
Kota Bharu	5:59	1:18	4:22	7:22	8:27
K. Terengganu	5:51	1:14	4:17	7:18	8:27
Kota Kinabalu	4:59	12:22	3:26	6:26	7:35
Kuching	5:25	12:47	3:50	6:50	7:59

**PILIHAN TERTINGGI**

**BH**

- Salah dijual murah kepada Liverpool
- Tukang sapu tinggal anak di dobi layan diri
- Padah sebar gambar lucah bekas bekas kakasih
- TMJ mohon maaf
- Rozita hadir bagi semakan semula kes